

BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan

1(a) Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:

(i) Penyata Kewangan bagi Perniagaan Buku Berjaya disediakan berdasarkan semua urusan niaga yang berlaku sepanjang 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

[1 markah]

(ii) Pada tahun berakhir 31 Mac 2021, nilai pasaran bagi kenderaan yang dimiliki oleh Perniagaan One Focus ialah RM134 000 tetapi harga asal kenderaan ialah RM147 500. Nilai yang dilaporkan dalam penyata kewangan ialah RM147 500.

[1 markah]

(b) Lengkapkan jadual di bawah bagi membezakan antara aset semasa dengan aset bukan semasa

Ciri - ciri	Perbezaan	
	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
(i) Tahap kecairan		
(ii) Hayat penggunaan		

[2 markah]

- (c) Dokumen berikut diperoleh daripada SS Gadget

SALINAN		INV1006		
SS GADGET 11-A, Jalan Padi Utama 81200 Bandar Baru Uda, Johor Bahru Tarikh : 9 Julai 2020				
INVOIS				
Kepada Xpert Telco Enterprise, 10, Jalan Pendidikan 8, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor Bahru.				
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH
1	Apple iPhone X	5	1 406.00	7 030.00
2	Apple iPhone 7 Plus	5	949.00	4 745.00
	Tolak : Diskaun niaga 10%			11 775.00
	JUMLAH			?
(Ringgit Malaysia: ?) Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K. <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> Cheng Penerima Ameer Pengurus </div>				

Kirakan diskaun niaga dan diskaun tunai yang akan diterima oleh Xpert Telco Enterprise jika pembayaran dibuat pada 12 Julai 2020. [2 markah]

- (d) Nyatakan dua sebab sesebuah perniagaan perkongsian boleh dibubarkan [2 markah]
- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Uzair Berhad pada 1 Januari 2020.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

300 000 unit 10% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer
 400 000 unit Syer Biasa RM1.50 sesyer

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, Lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen kepada pemegang Syer Keutamaan dan 8% dividen untuk Syer Biasa

Kirakan dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [2 markah]

- 2 Kedai Runcit Wafi tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap. Beliau memberi maklumat berikut supaya anda dapat melengkapkan catatan perakaunannya.

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Inventori barang niaga	3 560	6 720
Inventori alat tulis	140	96
Akaun Belum Terima	2 560	7 600
Akaun Belum Bayar	2 450	1 980
Kenderaan	30 000	38 000
Kadar bayaran belum bayar	-	146
Komisen belum bayar	170	240

Berikut ialah ringkasan Buku Tunai sepanjang tahun 2020.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Baki b/b	23 576	Akaun Belum Bayar	16 500
Akaun Belum Terima	29 800	Ambilan	850
Jualan	4 700	Belian	2 850
Komisen	1 600	Alat tulis	360
Jualan lori lama	10 000	Belanja am	270
		Kadar bayaran	1 600
		Gaji	3 600
		Van	20 000

Maklumat tambahan:

- (i) Satu nota kredit RM460 yang dihantar kepada Shamar Khan belum diambil kira.
- (ii) Diskaun diberi ialah RM420 dan diskaun diterima ialah RM350
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan dengan kadar 5% atas Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31
Disember 2020 [10
markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020
[8 markah]

3. Jauhari memulakan Perniagaan Jauhari pada 1 Disember 2020 dengan asset dan liabiliti seperti berikut:

	RM
Tunai di tangan	1 300
Tunai di bank	15 600
Lengkapan	5 000

2020

- Dis 3 Membeli barang niaga daripada Syarikat Ali berjumlah RM6 000 diskaun niaga 10%.
- 4 Beli barang niaga berjumlah RM400 secara tunai
- 6 Jual barang niaga berjumlah RM8 000 kepada Kedai Amil dan memberinya diskaun niaga 10%.
- 16 Jualan barang niaga secara tunai berjumlah RM400.
- 22 Terima invois yang berjumlah RM9 000 daripada Perniagaan Ah Seng dengan diskaun niaga 20%.
- 25 Memulangkan barang niaga bernilai RM250 kepada Perniagaan Ah Seng kerana salah jenama.
- 27 Hantar invois yang berjumlah RM2 050 kepada Syarikat Chandran dengan diskaun niaga 20%.

Anda dikehendaki:

- (a) Merekod urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama berikut:
- | | |
|---------------------|------------|
| (i) Jurnal Am | [2 markah] |
| (ii) Jurnal Belian | [3 markah] |
| (iii) Jurnal Jualan | [3 markah] |

- (iv) Jurnal Pulangan Belian [2 markah]
- (v) Buku Tunai [3 markah]
- (b) Memindahkan catatan di 3(a) ke lejar (tidak perlu diimbangkan) [12 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja

- 4(a) Semenjak negara Malaysia dilanda pandemic COVID-19, Puan Intan telah menjalankan perusahaan kecil-kecilan menghasilkan pelitup muka fabrik di rumahnya.

Kos yang terlibat untuk menghasilkan pelitup muka fabrik tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Harga (RM)
Kain lining	1.40 sehelai
Benang	0.30 sehelai
Getah halus	0.40 sehelai
Kapas	0.10 sehelai
Penyelenggaraan mesin jahit	300 sebulan
Kadar bayaran	400 sebulan
Gaji seorang pembantu	1 200 sebulan
Harga jualan	6.00 sehelai

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung
 - (a) Kos berubah sehelai pelitup [1 markah]
 - (b) Kos tetap [1 markah]
 - (c) Margin caruman sehelai pelitup muka [1 markah]
 - (d) Titik Pulang Modal [1 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 4(a)(i), Lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala yang sesuai.

Anda perlu menunjukkan:

- | | | |
|-----|----------------------|------------|
| (a) | garisan kos tetap | [1 markah] |
| (b) | garisan Jumlah Kos | [1 markah] |
| (c) | garisan Jumlah Hasil | [1 markah] |
| (d) | Titik Pulang Modal | [1 markah] |

- (iii) Menghitung keuntungan yang diperoleh oleh Puan Intan sekiranya beliau mensasarkan pengeluaran sebanyak 1 200 helai pelitup muka fabrik dengan menambah seorang lagi pekerja separuh masa yang dibayar upah sebanyak RM600 sebulan. [2 markah]

- 5(a) Encik Saiful Nizam memulakan perniagaan Pusat Tuisyen Bestari Jaya pada 1 April 2021 dengan modal permulaan RM15 000 yang terdiri daripada:

	RM
Bank	9 000
Tunai	700
Tunai runcit	300
Kelengkapan	5 000

Beliau telah meminta anda bagi menyediakan belanjawan tunai untuk tempoh tiga bulan bermula 1 April 2021 hingga 30 Jun 2021.

Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya adalah seperti berikut:

- (i) Anggaran bilangan pelajar:
- | | |
|-------|-------------|
| April | 400 pelajar |
| Mei | 550 pelajar |
| Jun | 700 pelajar |
- (ii) Yuran pendaftaran ialah RM25 bagi setiap pelajar baharu. Yuran dibayar pada setiap awal bulan.
- (iii) Yuran bulanan pelajar dikenakan RM50 sebulan. Yuran dibayar pada setiap awal bulan
- (iv) Gaji guru tuisyen adalah 70% daripada yuran pelajar yang dibayar setiap bulan
- (v) Pemilik pusat tuisyen ini merancang untuk membeli dua buah alat pendingin hawa bernilai RM3 500 setiap satu dengan bayaran pendahuluan sebanyak 40% pada bulan Jun. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama tiga bulan bermula pada bulan Julai.

(vi) Kadar bayaran pada bulan April dianggarkan berjumlah RM500 dan dijangka akan meningkat sebanyak 10% berbanding bulan sebelumnya.

(vii) Anggaran belanja bulanan:

Gaji kerani	1 000
Alat tulis	100
Sewa	1 200

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2021

[10 markah]

(b) Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis Suzana pada 31 Mac 2021.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan		80 420
Belian		50 200
Pulangan masuk		1 300
Akaun Belum Terima	14 200	
Akaun Belum Bayar		17 100
Bank	15200	
Faedah simpanan tetap	1 000	
Simpanan tetap	10 000	
Kenderaan	40 600	
Lengkapan	8 600	
Pulangan keluar		1 880
Inventori 1 April 2020	22 600	
Inventori 31 Mac 2021	31 100	
Kadar bayaran		550
Gaji	9 000	
Insurans	1 200	

Sewa

950

153 450 151 450

- (i) Imbangan Duga di atas tidak seimbang. Anda dikehendaki menyediakan semula Imbangan Duga berkenaan selepas mengenalpasti kesilapan dan ketinggalan butiran.
[5 markah]

- (ii) Selepas Imbangan Duga disediakan di 6(b)(i) kerana telah mengesan beberapa kesilapan:
- (a) Belanja membaiki kenderaan berjumlah RM600 telah didebitkan ke Akaun Kenderaan.
 - (b) Pulangan barang niaga bernilai RM230 kepada seorang pembekal telah direkodkan sebagai RM320 dalam kedua-dua akaun.
 - (c) Sebuah komputer bernilai RM2 500 yang dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan belum direkodkan dalam mana-mana buku.
 - (d) Sewa diterima sebanyak RM950 telah didebitkan ke Akaun Sewa dan dikreditkan ke Akaun Bank.
 - (e) Cek yang diterima daripada pelanggan dan dibankkan bernilai RM880 telah dipulangkan dan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar" oleh bank.

Anda dikehendaki menyediakan Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan. (Keterangan tidak diperlukan)

[15 markah]

- 6(a) Maklumat berikut diambil daripada buku Teknologi Enterprise yang berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki oleh perniagaan tersebut.

Jenis kenderaan	Kos (RM)	Tarikh Belian
Van	40 000	1 Julai 2019
Motosikal	6 000	31 Mac 2020

- (i) Perniagaan telah menetapkan semua kenderaan disusutnilaikan setahun mengikut kaedah ansuran tetap
- (ii) Motosikal telah dibeli dan dibayar sepenuhnya dengan cek. Manakala van telah dibeli secara kredit daripada Syarikat Kenderaan Chin Fatt dengan wang pendahuluan sebanyak 50% dan dibayar dengan cek.
- (iii) Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kenderaan (tahun 2019 dan 2020) [4 markah]

- (ii) Akaun Susut nilai terkumpul kenderaan (tahun 2019 dan 2020) [4 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan kenderaan (tahun 2020) [4 markah]

6(b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Annaz pada 31 Disember 2020.

Buku Tunai (petikan)			
	RM		RM
Sewa	5 000	Insurans	3 000

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (petikan)		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang ragu		400

Maklumat tambahan:

Pelarasan berikut belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan

- (i) Pada 31 Disember 2020, seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM1 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (ii) Insurans tahunan adalah RM2 000

(iii) Sewa belum terperoleh RM750

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | | |
|-------|------------------------------|------------|
| (i) | Akaun Peruntukan hutang ragu | [3 markah] |
| (ii) | Akaun Insurans | [3 markah] |
| (iii) | Akaun Sewa diterima | [3 markah] |

Jawapan

- 1 (a) (i) Tempoh perakaunan
(ii) Prinsip kos

(b)

Ciri-ciri	Perbezaan	
	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
(i) Tahap kecairan	Tinggi	Rendah
(ii) Hayat penggunaan	Dalam jangka masa setahun	Melebihi setahun

(c) Diskaun Niaga = $10\% \times \text{RM}11\,775.00$
= $\text{RM}1\,177.50$

Diskaun Tunai = $10\% \times (\text{RM}11\,775.00 - \text{RM}1\,177.50)$
= $\text{RM}1\,059.75$

- (d) (i) Salah seorang pekongsi meninggal dunia/muflis/tidak siuman
(ii) Tempoh perniagaan perkongsian telah tamat
(iii) Tujuan penubuhan perniagaan perkongsian telah tercapai
(iv) Perintah mahkamah
(v) Pertukaran entiti perniagaan kepada syarikat
(vi) Persetujuan oleh semua pekongsi

[mana-mana 2 jawapan: maksimum 2]

(e) Dividen Syer Keutamaan = $(300\,000 \text{ unit syer} \times \text{RM}1.00 \text{ sesyer}) \times 10\%$
= $\text{RM}30\,000$

Dividen Syer Biasa = $(400\,000 \text{ unit syer} \times \text{RM}1.50 \text{ sesyer}) \times 8\%$
= $\text{RM}48\,000$

2

(a) i) **Akaun Kawalan Belum Terima**

2020			2020		
Jan 1	Baki b/b	2 560	Dis 31	Bank	29800
Dis 31	Jualan	35260		Pulangan jualan	460
				Diskaun diberi	420
				Baki h/b	7 140
		<u>37820</u>			<u>37820</u>
2021					
Jan 1	Baki b/b	7 140			

[4 markah]

Jumlah Jualan = Jualan Kredit + Jualan Tunai

Jualan kredit Jualan tunai =

ii) **Akaun Kawalan Belum Bayar**

2020			2020		
Dis 31	Bank	16500	Jan 1	Baki b/b	2450
	Diskaun diterima	350	Dis 31	Belian	16380
	Baki h/b	1980			
		<u>18830</u>			<u>18830</u>
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	1980

Jumlah Belian = Belian Kredit + Belian Tunai

Belian kredit Belian tunai =

[3 markah]

Kedai Runcit Wafi

2(b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	RM	RM	RM
(-) Jualan			39960
Pulangan jualan			(460)
Jualan bersih			39500
<u>Kos Jualan</u>			
Inventori awal		3568	
Belian		19230	
Kos barang untuk dijual		22798	
(-) Inventori akhir		(6720)	
Kos Jualan			(16078)
Untung kasar			23422
(+) <u>Hasil</u>			
Diskaun diterima		350	
Komisen [1600+240-170]		1670	2020
			25442
(-) <u>Belanja</u>			
Diskaun diberi		420	
Alat tulis (360 +140-96)		404	
Belanja am		270	
Kadar bayaran (1600 +146)		1746	
Gaji		3600	
Hutang ragu/Pertambahan Peruntukan hutang ragu/Peruntukan hutang ragu (5/100 x 7600 – 460)		357	
Susut nilai kenderaan (30000 -10000 + 20000 - 38000)		2000	(8797)
Untung bersih			16645

[10 markah]

Kedai Runcit Wafi

2(c)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020			
	RM	RM	RM
	Nilai Kos	SNT	Nilai Buku
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Kenderaan	40000	(2000)	38000
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori		6720	
Inventori alat tulis		96	
Akaun Belum Terima	7140		
Peruntukan hutang ragu	(357)	6783	
Komisen belum terima		240	
Bank		23646	
		37485	
<u>Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar	1980		
Kadar bayaran belum bayar	146	(2126)	
Modal kerja			35359
			73359
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal awal *			57564
(+) Untung bersih			16645
			74209
(-) Ambilan			(850)
Modal akhir			73359

[8 markah]

* Penyata Modal Awal Pada 1 Januari 2020

Jumlah Aset	RM	RM
Inventori awal	3 568	
Inventori alat tulis	140	
Akaun Belum Terima	2 560	
Kenderaan	30 000	
Komisen belum terima	170	
Bank	23 576	60 014
(-) Jumlah Liabiliti		
Akaun Belum Bayar		2 450
Modal awal		57 564

3 (a)

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2020				
Dis 1	Tunai		1 300	
	Bank		15 600	
	Lengkapan Modal		5 000	
	(Merekodkan aset dan ekuiti pemilik pada permulaan perniagaan)			21 900
			21 900	21 900

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah (RM)
2020			
Dis. 3	Syarikat Ali		5 400
22	Perniagaan Ah Seng		7 200
31	Akaun Belian		12 600

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah (RM)
2020			
Dis 6	Kedai Amil		7 200
27	Syarikat Chandran		1 640
31	Akaun Jualan		8 840

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah (RM)
2020			
Dis 25	Perniagaan Ah Seng		200
31	Akaun Pulangan Belian		200

Buku Tunai

Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank
2020			RM	RM	RM	2020			RM	RM	RM
Dis 1	Modal			1 300	15 600	Dis 4	Belian			400	
16	Jualan			400		31	Baki h/b			1 300	15 600
				1 700	15 600					1 700	15 600
Jan 1	Baki b/b			1 300	15 600						

3 (b)

Akaun Lengkapan

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
2020 Dis 1	Modal		5 000				

Akaun Modal

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
				2020 Dis 1	Tunai		1 300
					Bank		15 600
					Lengkapan		5 000

Akaun Belum Bayar: Syarikat Ali

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
				2020 Dis 3	Belian		5 400

Akaun Belum Bayar: Perniagaan Ah Seng

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
2020 Dis 25	Pulangan Belian		200	2020 Dis 22	Belian		7 200

Akaun Belian

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
2020 Dis 4	Tunai		400				
31	Akaun Belum Bayar		12 600				

Akaun Belum Terima: Kedai Amil

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
2020 Dis 6	Jualan		7 200				

Akaun Belum Terima: Syarikat Chandran

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
2020 Dis 27	Jualan		1 640				

Akaun Jualan


Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
				2020 Dis 16	Tunai		400
				31	Akaun Belum Terima		8 840

Akaun Pulangan Belian

Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)	Tarikh	Perkara	Fol	Jumlah (RM)
				2020 Dis 31	Akaun Belum Bayar		200

[Jumlah= 12 markah]

- 4(a)(i) (a) Kos berubah = $RM(1.40 + 0.30 + 0.40 + 0.10)$
= **RM2.20** [1 markah]
- (b) Kos Tetap = $RM(300 + 400 + 1\,200)$
= **RM1\,900.00** [1 markah]
- (c) Margin caruman = Harga Jualan – Kos Berubah
= $RM(6.00 - 2.20)$
= **RM3.80** [1 markah]
- (d) Titik Pulang Modal = Kos Tetap / Margin Caruman
= $RM1\,900.00 / RM3.80$
= **500 helai @ RM3\,000**



$$\begin{aligned}
 4(a)(iii) \quad 1\,200 \text{ helai} &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung sasaran}}{\text{Margin Caruman}} && [1 \text{ markah}] \\
 &= \frac{1\,900 + 600 + \text{Untung sasaran}}{3.80} \\
 \text{Untung sasaran} &= (1\,200 \times 3.80) - 2\,500 && [1 \text{ markah}] \\
 &= \mathbf{RM2\,060}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 4(b)(i) \quad (a) \quad \text{Peratus untung kasar atas jualan} &= 20\% \\
 \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan}} &= \frac{20}{100} \\
 \frac{\text{Untung kasar}}{(62\,800 + 15\,400)} &= \frac{20}{100} \\
 \text{Untung kasar} &= \mathbf{RM15\,640}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 (b) \quad \text{Tokokan} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Jualan}} \times 100 \\
 &= \frac{(\text{Jualan} - \text{Untung kasar})}{\text{Jualan}} \times 100 \\
 &= \frac{(78\,200 - 15\,640)}{78\,200} \times 100 \\
 \text{Tokokan} &= \mathbf{80\%}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 (c) \quad \text{Inventori purata} &= \frac{\text{Inventori awal} + \text{Inventori akhir}}{2} \\
 &= \frac{(12\,500 + 15\,900)}{2} \\
 &= \mathbf{RM14\,200}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar Pusing Ganti Inventori} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\
 &= \frac{(78\,200 - 15\,640)}{14\,200} \\
 &= \mathbf{4.41 \text{ kali @ } 4 \text{ kali}}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 (d) \quad \text{Tempoh kutipan hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan kredit}} \times 365 \\
 &= \frac{6\,300}{62\,800} \times 365 \\
 &= \mathbf{36.62 \text{ hari @ } 37 \text{ hari}}
 \end{aligned}$$

1 of - jawapan salah, rujuk pengiraan atau formula

4(b)(ii) Pengurusan kutipan hutang pada tahun 2021 adalah lebih cekap/lebih baik berbanding tahun 2020 kerana tempoh kutipan hutang daripada pelanggan pada tahun 2021 mengambil masa yang lebih singkat/pendek/rendah iaitu 36.62@37 hari berbanding dengan tempoh kutipan hutang pada tahun 2020 iaitu 42 hari. [1 markah]

[1 markah]

5(a)

Pusat Tuisyen Bestari

Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2021

Butir	April	Mei	Jun
	RM	RM	
Baki b/b / Baki awal	-	23 200	32 350
<u>Penerimaan:</u>			
Modal	10 000		
Yuran pendaftaran	10 000	3 750	3 750
Yuran bulanan	20 000	27 500	35 000
Jumlah penerimaan	40 000	31 250	38 750
<u>Pembayaran:</u>			
Gaji guru	14 000	19 250	24 500
Lengkapan / Alat pendingin hawa	-	-	2 800
Kadar bayaran	500	550	605
Gaji kerani	1 000	1 000	1 000
Alat tulis	100	100	100
Sewa	1 200	1 200	1 200
Jumlah pembayaran	16 800	22 100	30 205
Lebihan / (Kurangan)	23 200	9 150	8 545
Baki h/b / Baki akhir	23 200	32 350	40 895

[10 markah]

5 (b) (i)

Kedai Alat Tulis Suzana
Imbangan Duga pada 31 Mac 2021

Butir	Debit RM	Kredit RM
Jualan		80 420
Belian	50 200	
Pulangan masuk	1 300	
Akaun Belum Terima	14 200	
Akaun Belum Bayar		17 100
Bank	15 200	
Faedah simpanan tetap		1 000
Simpanan tetap	10 000	
Kenderaan	40 600	
Lengkapan	8 600	
Pulangan keluar		1 880
Inventori 1 April 2020	22 600	
Kadar bayaran	550	
Gaji	9 000	
Insurans	1 200	
Sewa	950	
Modal		74 000
	<u>174 400</u>	<u>174 400</u>

[5 markah]

JURNAL AM

5(b) (ii)

Tarikh	Butir	F	Debit RM	Kredit RM
(a)	Belanja membaiki kenderaan Kenderaan		600	600
(b)	Pulangan belian Akaun Belum Bayar		90	90
(c)	Alatan pejabat Modal		2 500	2500
(d)	Bank Sewa diterima		1 900	1 900
(e)	Akaun Belum Terima Bank		880	880

[5 markah]

6 (a)

Tahun	Susut nilai kenderaan		Jumlah
	Van	Motosikal	
2019	$6/12 \times 10/100 \times 40\,000 = 2\,000$	-	2 000
2020	$9/12 \times 10/100 \times 40\,000 = 3\,000$	$9/12 \times 10/100 \times 6\,000 = 450$	3 450

(i) **Akaun Kenderaan**

		RM			RM
2019	Bank	20 000	2019	Baki h/b	40 000
	Syarikat Kenderaan Chin Fatt	20 000			
		<u>40 000</u>			<u>40 000</u>
2020	Baki b/b	40 000	2020	Pelupusan Kenderaan	40 000
	Bank	6 000		Baki h/b	6 000
		<u>46 000</u>			<u>46 000</u>
	Baki b/b	6 000			

[4 markah]

(ii) **Akaun Susut nilai terkumpul kenderaan**

		RM			RM
2019	Baki h/b	2 000	2019	Untung rugi/Susut nilai	2 000
		<u>2 000</u>			<u>2 000</u>
2020	Pelupusan kenderaan	5 000	2020	Baki b/b	2 000
	Baki h/b	450		Untung rugi/Susut nilai	3 450
		<u>5 450</u>			<u>5 450</u>
				Baki b/b	450

[3 markah]

(iii) **Akaun Pelupusan kenderaan**

		RM			RM
2020	Kenderaan	40 000	2020	Susut nilai terkumpul	5 000
				Bank	20 000
				Rugi atas pelupusan	15 000
		<u>40 000</u>			<u>40 000</u>

[4 markah]

Jumlah [11 markah]

6 (b)

(i) **Akaun Peruntukan hutang ragu**

	RM		RM
Untung Rugi /Pengurangan Peruntukan hutang ragu	120	Baki b/b	400
Baki h/b	280		
	<u>400</u>		<u>400</u>
		Baki blb	280

[3 markah]

(ii) **Akaun Insurans**

	RM		RM
Bank/Tunai	3 000	Untung Rugi	2 000
		Insurans prabayar	1 000
	<u>3 000</u>		<u>3 000</u>

[3 markah]

Atau

(ii) **Akaun Insurans**

	RM		RM
Bank/Tunai	3 000	Untung Rugi	2 000
		Baki h/b	1 000
	<u>3 000</u>		<u>3 000</u>
Baki b/b	1 000		

[3 markah]

(iii) **Akaun Sewa diterima**

	RM		RM
Untung Rugi	4 250	Bank/Tunai	5 000
Sewa belum terperoleh	750		
	<u>5 000</u>		<u>5 000</u>

[3 markah]

Atau

(iii) **Akaun Sewa diterima**

	RM		RM
Untung Rugi	4 250	Bank/Tunai	5 000
Baki h/b	750		
	<u>5 000</u>		<u>5 000</u>
		Baki b/b	750

[3 markah]

Jumlah [9 markah]